

CADANGAN USUL BAHARU
MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JLN
BIL. 3/2025

Bil.	Usul Baharu	Catatan
1.	Usul supaya gambar kakitangan Jabatan dalam web JLN dikeluarkan. Berkaitan isu keselamatan data peribadi yang mudah bocor di Internet dan mengelakkan salah guna gambar.	Pentadbiran
2.	Menyemak arah kiblat di surau / bilik solat yang terdapat di JLN oleh badan bertauliah / individu profesional & mengkaji keperluan untuk menyatukan 1 surau untuk 1 level bagi mengelakkan pembaziran ruang serta menggalakkan solat berjemaah.	Kebajikan
3.	Kekerapan agensi luar berkursus di JLN (makmal komputer aras 8 & bilik latihan aras 7) hampir setiap minggu. Isu berbangkit - a) sekitar bilik latihan menjadi kotor berikutan dijadikan ruang menjamu selera bagi peserta kursus (minuman dan makanan tumpah di lantai. b) staf JLN kurang dapat menggunakan ruang tersebut sewaktu rehat berikutan dijadikan ruang makan (lebih kurang 2-3 hari dalam seminggu)	Kebajikan
4.	Banyak kedengaran pegawai-pegawai tanpa penempatan parkir mencadangkan kaedah ' open parking' dan 'first come first serve' di P2. Usul Mengekalkan penempatan parkir pegawai gred J10 seperti yang sedang dilaksanakan. Perlu ambil kira keperluan dan kekerapan pegawai membawa kenderaan sendiri ke msyuarat/bengkel separuh hari di KPKT atau sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor dan masuk semula ke pejabat.	Pentadbiran
5.	Selari dengan isu semasa, dicadangkan diadakan kutipan wang sumbangan untuk warga Palestin daripada JLN. Walaupun sumbangan boleh dilaksanakan secara individu, namun bagus juga sekiranya dapat menyumbang melalui agensi memandangkan Kerajaan Malaysia menyokong sepenuhnya solidariti Palestin.	Kebajikan

Bil.	Usul Baharu	Catatan
6.	Mempertimbangkan untuk tidak menukarkan pegawai ke bahagian lain jika pegawai tersebut masih mempunyai tanggungan kerja tertunggak terutamanya yang melibatkan projek sakit atau tender semula. Ini bagi mengelak menjadi bebanan kepada pegawai lain yang mengambil tugas projek tersebut.	Sumber Manusia
7.	Memastikan Urusetia bagi setiap Jawatankuasa bertanggungjawab dalam: a) Mendapatkan tarikh bersidang daripada Pengerusi JK b) Mencari Ahli JK bagi tujuan mesyuarat JK c) Menyediakan Kertas Keputusan dan membuat edaran untuk perakuan Pengerusi dan Ahli JK (Masih terdapat pihak Urusetia yang meminta Bahagian sendiri yang perlu mencari Ahli JK sendiri, Bahagian menyediakan Kertas Keputusan JK dan Bahagian yang perlu mendapatkan tandatangan Pengerusi / Ahli JK)	Sumber Manusia
8.	Keperluan microfon di dalam bilik mesyuarat bunga raya yang lebih efektif. Bukan seperti yang sedia ada sekarang. Ahli mesyuarat tidak dapat dengar dengan jelas perkara yang dibincangkan didalam mesyuarat.	Pentadbiran
9.	Susunan workstation yang terlalu terbuka untuk pegawai J10-J12. Mengurangkan produktiviti kerja. J12 perlu bilik sepertimana di KPKT dan Jabatan lain.	Kebajikan
10.	Isu berbangkit apabila tuntutan pembayaran bengkel/kursus mewajibkan senarai kehadiran penuh mengikut bilangan kelulusan (contoh 30 orang), sedangkan kehadiran sebenar pada hari program kadangkala kurang (contoh hanya 20 orang). Keadaan ini menyebabkan urusetia terpaksa mencari jalan mencukupkan tandatangan semata-mata untuk mengelakkan tuntutan dikuiiri, yang boleh menimbulkan risiko integriti serta masalah semasa audit. Dicadangkan agar pembayaran dibenarkan berdasarkan jumlah kehadiran sebenar tanpa perlu dimanipulasi bagi memastikan ketelusan dan kelancaran pengurusan.	Sumber Manusia
11.	Buat masa ini pegawai/staf sokongan lain yang dilantik sebagai "Authorized Driver" atau pemandu gantian bagi mengisi kekurangan pemandu tidak diberikan sebarang elaun tambahan dan hanya layak membuat tuntutan makan/lojing sahaja. Cadangan Elaun / Imbuhan Khas Untuk Pegawai Yang Diarahkan Memandu Kenderaan Jabatan ataupun pemberian cuti gantian bagi perjalanan yang jauh.	Kebajikan